



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TEKS UCAPAN:

**YBHG. DATO' HAJI ADNAN BIN HUSSAIN
KETUA PENGARAH PERIKANAN**

SEMPENA:

**MAJLIS PERASMIAN
HARI PERIKANAN SEDUNIA 2024**

TARIKH DAN MASA:

02 NOVEMBER 2024 (SABTU)

TEMPAT:

**ANJUNG FLORIA
PUTRAJAYA**

SALUTASI

- 1. Yang Berbahagia Tuan Haji Muhammad Faiz Fadzil,
Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**
- 2. Yang Berhormat Tuan Haji Razali bin Saat,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri
Makanan Negeri Perlis (EXCO)**
- 3. Yang Mulia Dato Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin
Ketua Pengarah Eksekutif / Presiden Agrobank**
- 4. Yang Berusaha Puan Norahiza binti Abdul Rahman,
Setiausaha Kanan, Bahagian Pengurusan,
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan**
- 5. Yang Berusaha Tuan Haji Abdul Hamid bin Bahari
Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan
(NEKMAT)**
- 6. Yang Berusaha wakil- wakil Jabatan dan Agensi yang hadir;**
- 7. Rakan-rakan media**

Bismillahirrahmanirrahim...

Terima kasih saudara pengacara majlis.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

PEMBUKA BICARA

Yang Berbahagia Dato', Yang Berusaha Dr. serta hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berhimpun di Anjung Floria Putrajaya bagi menyempurnakan Sambutan Hari Perikanan Sedunia Tahun 2024 yang julung kali diadakan anjuran daripada Jabatan Perikanan Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur dan pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan sambutan ini.

2. Sambutan ini telah membuka peluang untuk bertemu bagi kolaborasi dan perbincangan serta potensi sekaligus menghargai sumbangan dan kerjasama daripada pemain industri dalam sektor perikanan, pengusaha perikanan tangkapan, penternak akuakultur, penyelidik dan juga

nelayan di seluruh negara dalam memberi sumbangan dan kerjasama kerajaan. Mereka merupakan golongan yang sangat penting dalam menyumbang kepada keterjaminan makanan negara yang wajar diraikan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan industri perikanan dan sumber laut sekaligus membuka peluang ekonomi secara meluas dengan memastikan inovasi produk perikanan yang berkualiti dan amalan perikanan lestari.

3. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan sentiasa memastikan sektor perikanan mendapat perhatian lebih dengan menjadikan sektor perikanan terutamanya akuakultur antara tumpuan yang perlu dimajukan. Usaha ini penting dalam pembangunan akuakultur yang merupakan salah satu sumber makanan yang semakin penting dalam memastikan kelestarian bekalan makanan dunia, terutama di negara kita yang kaya dengan sumber air. Produk makanan berasaskan perikanan merupakan satu keperluan asas yang perlu diberi perhatian dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Justeru itu, DOF dan LKIM mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan negara mampu mengeluarkan bekalan makanan dalam sektor perikanan bagi menampung keperluan negara

sekaligus memastikan Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan tercapai menjelang tahun 2030.

4. Selain itu, tidak lupa juga dengan cabaran yang dihadapi dalam sektor agromakanan perikanan khususnya dapat dilihat dalam menghadapi monsun timur laut dan ancaman banjir yang dijangka melanda pada hujung tahun ini yang berisiko kepada para penternak dan nelayan. Hal ini semestinya memberi impak negatif yang ketara kepada industri dan produk perikanan.
5. Justeru, saya menyeru dan menggalakkan agar kita semua supaya lebih berani untuk mencuba kaedah-kaedah perikanan yang lebih moden dan lebih produktif supaya sektor akuakultur ini bukan sahaja dapat menambah bekalan sumber makanan dan pendapatan penternak dan nelayan tetapi dapat meningkatkan lagi tahap keterjaminan makanan negara di masa hadapan. Selaras dengan slogan **“cukup dan terjamin”** bagi menggambarkan visi dan misi dalam mendepani sekuriti makanan pada masa kini dan hadapan.

PEMBANGUNAN MENYELURUH SEKTOR PERIKANAN

Akuakultur

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Untuk mencapai hasrat ini, kita semua harus terbuka kepada idea dan maklumat yang baru dan mutakhir serta dapat menyesuaikannya mengikut keadaan semasa. Bagi maksud ini, Sektor Perikanan akan lebih giat dalam melaksanakan transformasi sektor perikanan secara menyeluruh daripada sebuah sektor tradisional yang mempunyai produktiviti yang rendah kepada sektor yang lebih maju, berdaya saing dan berproduktiviti melalui pelbagai kaedah yang lebih moden dan berteknologi tinggi.
7. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran akuakultur dan berorientasikan pasaran bagi mendapat hasil yang lebih tinggi. Usaha KPKM melalui DOF memperuntukkan sebanyak RM 7.9 juta kepada penternak akuakultur pada tahun ini yang merangkumi aspek perkhidmatan, infrastruktur, teknologi, dan peralatan. Bantuan ini disasarkan kepada pengusaha kecil, sederhana dan komersil melalui sistem penyampaian khidmat sokongan akuakultur bagi membantu pengusaha akuakultur dalam mengembangkan lagi industri akuakultur melalui

peningkatan produktiviti dalam ternakan dan aplikasi teknologi terkini.

8. Marilah kita bersama-sama memacu industri akuakultur ke arah yang lebih mampan dan inovatif. Dengan usaha yang bersepadu, saya yakin kita dapat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam akuakultur di negara ini.

Bantuan MYKP

9. Kerajaan juga turut menyalurkan peruntukan sebanyak Seratus Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Ringgit Malaysia kepada projek naik taraf pembangunan bagi sektor perikanan di tiga negeri iaitu Johor, Perak dan Pahang yang merangkumi kepada projek produk perikanan, agropelancongan, perikanan rekreasi dan akuakultur serta pemasaran.
10. Penyediaan bantuan ini dapat memperkenalkan kebolehan pemasaran sektor perikanan sekaligus meningkatkan daya saing sektor perikanan serta memberi manfaat kepada komuniti tempatan, pendapatan dan memastikan kelestarian sumber.

Belanjawan 2025 : Sektor Perikanan

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berkongsi berita baik dari belanjawan MADANI tahun 2025 yang telah memberi keprihatinan yang tinggi dalam sektor perikanan selaras dengan tema dan fokus utama kerajaan iaitu “Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat”. Secara keseluruhannya, peruntukan KPKM pada tahun hadapan meningkat sebanyak RM6.42 bilion iaitu kenaikan sebanyak 4.1 peratus berbanding RM6.17 bilion pada tahun 2024.
12. Belanjawan 2025 akan memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting berdasarkan suara rakyat dan setiap saranan telah dipertimbangkan dalam perancangan bajet ini. Peruntukan disalurkan kepada projek Bantuan Rumah Nelayan bagi pembangunan baik pulih dan bina baru rumah nelayan sebanyak RM 10 juta. Manakala, kadar siling bantuan bina baharu atau penempatan semula rumah nelayan dinaikkan daripada RM56 ribu kepada RM84 ribu untuk Semenanjung dan daripada RM68 ribu kepada RM90 ribu untuk Sabah dan Sarawak.

13. Selain itu, RM3.3 juta diperuntukkan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Kawasan Perlindungan Marin (MPA) termasuk perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan. Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi meneruskan dan memperluaskan Program Kebun Komuniti (Kebuniti) MADANI oleh All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) ke beberapa lokasi yang telah dikenal pasti untuk menyokong agenda keterjaminan makanan dan RM25 juta disalurkan untuk Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi membantu golongan yang terkesan akibat bencana demi memastikan pemulihan dan kelestarian projek agromakanan nasional.

14. Di samping itu, kemudahan pinjaman daripada Agrobank sebanyak RM200 juta kepada pengusaha agromakanan yang menyokong keterjaminan makanan dan pertanian lestari merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan secara bulanan RM144.2 juta dan RM15 juta bagi Insentif Hasil Tangkapan Nelayan.

15. Dengan perancangan Belanjawan 2025 yang teliti serta kerjasama daripada seluruh lapisan masyarakat termasuk pegawai kerajaan, sektor swasta, penternak dan nelayan, saya percaya kita dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengurangan ketidaksamarataan dan peningkatan kualiti hidup rakyat sekaligus meningkatkan keterjaminan makanan negara dan mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada import makanan.

PENUTUP

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sempena sambutan Hari Perikanan Sedunia 2024 pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berjasa membangunkan dan menyumbang kepada kesejahteraan negara. Anda semua adalah merupakan aset yang tidak ternilai. Maka, dengan lafadz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Sambutan Hari Perikanan Sedunia Tahun 2024.

17. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Wabarakatuh. Terima kasih.